

MASTER Q&A

**MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI PERTANIAN DAN
PERHUTANAN (AMAF)**

**1. BOLEH CERITAKAN SEDIKIT BERKAITAN LATARBELAKANG PENGANJURAN
MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI PERTANIAN DAN
PERHUTANAN (AMAF)?**

Mesyuarat AMAF merupakan mesyuarat berjadual di bawah rangka kerjasama sektor pertanian ASEAN yang telah diadakan sejak tahun 1968. Mesyuarat tahunan ini dianjurkan secara bergilir di kalangan sepuluh negara anggota ASEAN, khusus kepada sektor pertanian dan perhutanan, termasuk sub-sektor komoditi dan makanan. Penganjuran Mesyuarat AMAF akan disusuli dengan Mesyuarat AMAF Campur 3, yang melibatkan 10 negara anggota ASEAN dan 3 rakan dialog strategik ASEAN iaitu Republik Rakyat China (RRC), Jepun dan Republik Korea.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan merupakan titik fokal untuk AMAF dan SOM AMAF di Malaysia. Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah kepada penganjuran Mesyuarat AMAF dan Mesyuarat AMAF Campur 3 adalah pada tahun 2013 di Kuala Lumpur. Dari segi struktur AMAF, mesyuarat ini disokong oleh SOM AMAF dan dibantu oleh 49 kumpulan kerja yang diwujudkan untuk membantu AMAF mencapai objektif dan 6 sasaran visi kerjasama ASEAN di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community).

Kerjasama ASEAN dalam sektor pertanian dan makanan bermula seawal tahun 1968 dengan kerjasama memfokuskan kepada pengeluaran dan pembekalan makanan. Pada tahun 1977, skop kerjasama telah diperluaskan merangkumi bidang pertanian dan perhutanan. Pada masa ini, bidang khusus di bawah kerjasama ASEAN dalam pertanian dan makanan adalah merangkumi sekuriti makanan, keselamatan makanan, makanan halal, tanaman, ternakan, latihan dan pengembangan pertanian, koperasi pertanian, dan kerjasama bersama dalam skim promosi pertanian juga hasil hutan.

Kesemua kumpulan kerja di bawah AMAF mempunyai titik fokal masing-masing yang terdiri daripada wakil Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan disokong oleh kementerian dan agensi lain yang berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berdasarkan kepada bidang kuasa masing-masing.

2.APA VISI YANG INGIN DICAPAI DISEBALIK PENGANJURAN MESYUARAT AMAF?

Visi Kerjasama ASEAN dalam sektor pertanian dan makanan adalah untuk mewujudkan “Sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan (FAF) yang berdaya saing, inklusif, berdaya tahan dan mampan yang bersepadu dengan ekonomi global, berdasarkan pasaran tunggal dan asas pengeluaran yang menyumbang kepada keselamatan dan kemakmuran makanan dan pemakanan dalam Komuniti ASEAN.” Enam matlamat telah dirangka untuk mencapai Visi iaitu:

- Memastikan pertumbuhan yang saksama, mampan dan inklusif
- Mengurangkan kemiskinan dan membasi kelaparan
- Memastikan keselamatan makanan, keselamatan makanan dan pemakanan yang lebih baik
- Memperdalam integrasi serantau
- Meningkatkan akses kepada pasaran global
- Meningkatkan daya tahan terhadap, dan menyumbang kepada pengurangan dan penyesuaian perubahan iklim, bencana alam dan kejutan lain.

Selaras dengan perkembangan semasa ASEAN ke arah pembangunan mampan bagi sektor pertanian dan perhutanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengetengahkan tema “Growing Together: Advancing ASEAN Agriculture and Forestry for Sustainable Development” sempena penganjuran Mesyuarat kali ke-45 AMAF dan mesyuarat lain yang berkaitan. Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan berhasrat menjadikan sektor pertanian dan perhutanan agromakanan negara lebih mampan, berdaya tahan dan berpandukan kepada teknologi moden untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan keterjaminan makanan demi kesejahteraan rakyat di Malaysia dan komuniti rantau ASEAN.

3. BILA DAN DIMANA AKAN DIADAKAN MESYUARAT AMAF 2023?

2 hingga 6 Oktober 2023 di Kuala Lumpur.

4. APA TEMA YANG AKAN DIBAWA PADA PENGANJURAN KALI INI?

Mesyuarat AMAF ini merupakan satu platform bagi AMS membincangkan dan mengetengahkan isu-isu berkaitan pertanian dan perhutanan di rantau ini. Ia juga menjadi payung kepada badan-badan sektoral yang memberikan fokus lebih khusus merangkumi elemen dan disiplin-disiplin pertanian yang lain.

Tema pada tahun ini *ialah “Growing Together: Advancing Asean Agriculture And Forestry For Sustainable Development”*. Pemilihan tema yang memberikan fokus kepada kemampanan sektor pertanian dan perhutanan adalah relevan dan signifikan. Ini mengambil kira kepentingan pembangunan kedua-dua sektor untuk membolehkan negara anggota ASEAN mencapai matlamat ASEAN iaitu sebagai satu pasaran dan pusat pengeluar tunggal bagi produk makanan, pertanian dan perhutanan serantau yang berdaya saing dan mampan.

Selain itu, fokus tema juga membantu dalam usaha ASEAN mengekalkan kedudukannya sebagai bakul makanan dunia dan menjaga keterjaminan makanan di rantau ini. Perkara ini sejajar dengan hasrat pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN yang dibangunkan pada tahun 2015.

5. SIAPAKAH YANG AKAN MENGHADIRI MESYUARAT AMAF KE 45?

Mesyuarat pertama Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) telah diadakan pada 1979 di Filipina. AMAF diadakan sebagai menzahirkan komitmen Negara-negara ASEAN (AMS) dalam membincangkan isu-isu berkaitan pertanian dan perhutanan di rantau ini dibawah platform ASEAN.

Mesyuarat AMAF akan dihadiri oleh Menteri-menteri Pertanian ASEAN yang terdiri daripada negara Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam ini diadakan sekali pada setiap tahun dengan tanggungjawab penganjurannya ditetapkan secara penggiliran mengikut abjad Negara negara ASEAN.

Untuk rekod, Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi persidangan AMAF ke-25 pada tahun 2003 dan AMAF ke-35 pada tahun 2013 dan akan sekali lagi mengambil tanggungjawab selaku tuan rumah pada tahun 2023 yang bertempat di Kuala Lumpur.

Selaras dengan keutamaan kerjasama badan sektoral AMAF, Mesyuarat AMAF kali ke-45 dan mesyuarat lain berkaitan akan memfokuskan kepada peningkatan kuantiti dan kualiti pengeluaran yang mampan berdasarkan teknologi hijau, membincangkan usaha meningkatkan fasilitasi perdagangan bagi sektor pertanian dan perhutanan, khususnya aspek sanitasi dan fitosanitari, integrasi ekonomi dan akses pasaran, daya tahan kedua-dua sektor terhadap perubahan iklim, bencana alam dan krisis yang sukar dijangkakan dalam memastikan keterjaminan makanan di rantau ini.

Justeru, Mesyuarat kali ke-45 AMAF akan mempertimbang dan mengesahkan laporan-laporan kumpulan kerja sektoral di bawah AMAF yang telah dibincangkan dan dipersetujui di peringkat SOM AMAF. Antara perkara yang akan dilaporkan adalah seperti berikut:

(a) keputusan Mesyuarat-Mesyuarat Peringkat Tertinggi dan hasil outcomes Sidang Kemuncak ASEAN dan Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN;

- (b) kemajuan pelaksanaan Rangka Kerja yang berkaitan dengan Kerjasama ASEAN dalam makanan, pertanian
- (c) saranan dan laporan Pengerusi SOM AMAF kepada Mesyuarat kali ke-45 AMAF, keutamaan pencapaian ekonomi (PED) untuk dipengerusikan oleh Lao PDR pada tahun 2024;
- (d) cadangan dari Mesyuarat Interface antara AMAF dan Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN;
- (e) perbincangan status dan kemajuan untuk ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve (APTERR) dan ASEAN Food Security Information System (AFSIS);
- (f) kemajuan pelaksanaan kerjasama berkaitan perubahan iklim ASEAN Multi-Sectoral Framework on Climate Change: Agriculture and Forestry Towards Food Security (AFCC) dengan rakan-rakan dialog dan negara-negara maju bagi menangani isu perubahan iklim dunia;
- (g) kemajuan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kerjasama ASEAN di dalam bidang makanan, pertanian dan perhutanan seperti pertukaran maklumat pengeluaran makanan, sanitari dan fitosanitari, kesihatan haiwan dan zoonosis dan highly pathogenic avian influenza; dan
- (h) deklarasi Pemimpin ASEAN bagi mengukuhkan Keterjaminan Makanan dan Nutrisi Semasa Krisis (ASEAN Leaders Declaration on Strengthening Food Security and Nutrition in Times of Crisis).

Laporan yang dibentangkan kepada Mesyuarat AMAF bertujuan untuk mendapatkan mandat bagi perkara dasar dan komitmen kerjasama negara anggota ASEAN di peringkat Menteri-Menteri AMAF mengenai perkembangan perlaksanaan aktiviti dan program di bawah rangka kerja sektoral AMAF serta keberkesaan perlaksanaan program tersebut.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

1 OGOS 2023